

**SETELAH**  
dicabar untuk  
menghasilkan  
karya terbaru,  
Wei Sing tampil  
dengan dua  
buah buku yang  
mengetengahkan  
nilai kesetiaan,  
berbudi bahasa dan  
patriotisme.



# Elemen kesetiaan puisi Wei Sing

**B**UKAN satu usaha yang mudah untuk insan seni berketurunan Cina berjuang dalam arena penulisan puisi Melayu.

Perjalanan mereka untuk memartabatkan bahasa kebangsaan negara itu sering berhadapan dengan cabaran.

Tanpa mengenal erti putus asa, kecintaan terhadap bahasa Melayu sangat tebal dan berkat kesabaran, karya penulis prolif, Teo Wei Sin, 35, terpahat dalam arena seni sastera antarabangsa.

"Bahasa Malaysia mempunyai nilai estetika yang tinggi buat diri saya dan ia merupakan pengantar komunikasi yang penuh dengan keunikan serta keluhuran seni sastera."

"Sepanjang 10 tahun bergiat dalam arena penulisan puisi, saya lebih prolif sebagai pemuisi yang melahirkan nilai-nilai kesetiaan terhadap seni sastera dan bahasa kebangsaan," katanya ditemui bual Kosmo! di Rumah Pena, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pei Chai, Wei Sing seterusnya menyambung pengajian peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Saint Thomas sehingga tingkatan lima sebelum memasuki tingkatan enam di SMK Abdul Rahman Talib, kedua-duanya di Kuantan, Pahang.

Pada 2003 hingga 2007, beliau melanjutkan pelajaran peringkat ijazah dan Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama) di Universiti Putra Malaysia, Serdang. Wei Sing merupakan anak didik kepada Sasterawan Negara, S. Othman Kelantan, Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin dan Zahran Nawawi melalui Bengkel Penulisan Cerpen Penulis Pelbagai Kaum anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Selain menempa nama sebagai penulis puisi, beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah sambilan subjek Pengajian Malaysia di Kolej Taylor's, Petaling Jaya dan dilantik menjadi Facilitator Program Penghayatan Sastera dan Budaya bagi Program Latihan Khidmat Negara di bawah pengendalian DBP.

## Doldamasi

Melalui sokongan dan dorongan daripada bapa angkatnya, Syed Hussein Al-Attas (Pak Habib), Wei Sing mula mengorak langkah untuk menulis dan menerbitkan karyanya.

Sepanjang penglibatan dalam arena sastera, Wei Sing berjaya menghasilkan lebih daripada 50 buah puisi dan mendeklamasi pada pelbagai acara serta majlis bahasa di peringkat negeri dan kebangsaan.

Masih utuh dengan semangat cintakan bahasa, Wei Sing kini

tampil dengan dua buah buku baharu yang mengetengahkan nilai kesetiaan, berbudi bahasa dan patriotisme iaitu *Kumpulan Puisi Dari Jendela Setia* dan *Kumpulan Puisi Sejiwa*.

Kedua-dua naskhah itu merupakan himpunan puisi-puisi yang dihasilkan bagi memberi kejutan kepada para pembaca.

Setelah kewibawaannya sebagai penulis tercabar dan dikatakan buntu serta tidak produktif sejak beberapa tahun lalu, atas ihsan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), penerbitan naskhah tersebut dapat direalisasikan.

*Kumpulan Puisi Dari Jendela Setia* merupakan karya sulung Wei Sing dengan ITBM yang disifatkan sebagai pencarian manusia terhadap jalan kebenaran.

Beliau meletakkan kompleksiti masyarakat yang dilihat secara kritis menjadi tema utama dalam kebanyakan puisinya. Kumpulan puisi itu menghimpunkan 35 puisi yang semestinya dibaca dan diteladani.

*Kumpulan Puisi Sejiwa* pula merupakan kompilasi puisi-puisi baharu dan lama yang bertemakan patriotisme dan dihimpunkan untuk diterjemah kepada bahasa Inggeris serta Perancis.

Ita merupakan susulan usaha untuk memartabatkan puisi Melayu di peringkat antarabangsa dan telah diagihkan sebanyak 250 salinan ke semua perpustakaan di universiti sekitar Perancis oleh Yayasan Pahang melalui kedutaan di sana.

Untuk maklumat lanjut orang ramai boleh melayari laman web, [www.itbm.com.my](http://www.itbm.com.my).

## Galeri Buku

### INFO

### Karya Teo Wei Sing

- Judul: *Dari Jendela Setia*
- Penerbit: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
- Genre: Patriotisme
- Muka surat: 38
- Harga: RM15 (SM)/RM20 (SS)
  
- Judul: *Kumpulan Puisi Sejiwa*
- Genre: Puisi
- Muka surat: 80
- Harga: RM20